

26 NOVEMBER 2025

Wasco Delivers Strong Q3 Earnings Performance, 9-Month Revenue Crosses RM2.0 Billion as Orderbook Rises to RM2.6 Billion on Strong New Wins

KUALA LUMPUR, 26 Nov – Wasco Berhad (“Wasco” or “the Group”) posted a significantly stronger performance for the third quarter ended 30 September 2025 (“Q3 FY2025”), marking a clear inflection point in earnings supported by sustained operational discipline and stable delivery across its energy and bioenergy segments. For the nine-month period (“9M FY2025”), the Group’s revenue exceeded the RM2-billion threshold, reaching RM2.01 billion.

For Q3 FY2025, the Group recorded revenue of RM599.9 million and gross profit of RM91.8 million. Profit Before Tax (“PBT”) surged to RM42.3 million, compared to RM23.7 million in the same quarter last year. Net profit rose to RM34.2 million, while Profit After Tax and Minority Interest (“PATAMI”) improved to RM34.7 million.

For 9M FY2025, revenue totalled RM2.01 billion, with gross profit of RM280.4 million, PBT of RM126.2 million, and PATAMI of RM104.0 million, underpinned by consistent execution and improved contribution from joint-venture activities.

Segmental Results

The **Energy Services** segment recorded revenue of RM527.6 million in Q3 FY2025 and RM1.8 billion (RM1,814.4 million) for 9M FY2025, compared to RM554.1 million and RM1.8 billion (RM1,780.8 million), respectively, in the same periods last year. The segment registered a PBT of RM35.9 million in the quarter and RM120.2 million year-to-date, versus a loss before tax of RM21.0 million and PBT of RM109.7 million in the corresponding periods of FY2024. The turnaround to a profit reflects better project margins and the absence of impairment charges that affected last year’s results.

The **Bioenergy Services** segment generated revenue of RM72.3 million in Q3 FY2025 and RM198.6 million for the nine-month period, slightly lower than RM81.5 million and RM201.5 million in the same periods last year. The reduction this quarter was primarily due to the timing of equipment deliveries, which are expected to be recognised in the coming quarter.

PBT stood at RM9.7 million in Q3 FY2025 and RM23.7 million year-to-date, compared to RM14.2 million and RM59.8 million a year ago. The decline reflects a one-off corporate exercise expense of RM3.6 million incurred during the quarter and the absence of last year's RM30.5 million one-off gain from the disposal of assets held for sale.

Orderbook Momentum and Strategic Outlook

Wasco secured an impressive RM1.0 billion in new contracts during the period, expanding its orderbook to RM2.6 billion as at end-September 2025. The awards cover modular EPCC and fabrication scopes, oil and gas coating and pipeline projects, substation and power-distribution packages, modular skid systems, EPC and process-equipment supply for refining and industrial facilities, Balance-of-Plant EPCC for energy infrastructure, and E-House supply for offshore developments. Project delivery spans Asia, the Middle East, Africa, and Europe, with execution scheduled from FY2026 to FY2027 and into 2028, underpinning earnings visibility over the medium term.

“This quarter signals a step change for Wasco. The improvement in earnings demonstrates the strength of our operations and the resilience of our business. The breadth of new wins and our RM2.6 billion orderbook provide a strong platform as we head into the final quarter, while the proposed listing of our renewable-energy subsidiary opens up additional pathways for growth and value creation,” said **Giancarlo Maccagno, Managing Director/Group Chief Executive Officer of Wasco Berhad.**

The Group noted that operating conditions across its key markets are expected to remain stable, supported by active tendering, disciplined execution, and strengthened visibility from its RM2.6 billion orderbook. In line with the Group's broader strategic portfolio shift, Wasco recently launched the prospectus of its renewable-energy subsidiary, Wasco Greenergy Berhad, ahead of a proposed listing on the Main Market of Bursa Malaysia Securities Berhad. The exercise is aimed at unlocking value, enhancing capital efficiency, and supporting the subsidiary's next phase of growth. Wasco will retain majority ownership following the listing.

-ends-

About Wasco Berhad

Wasco Berhad (wascoenergy.com), established in 1999, is a prominent provider of energy solutions with a global presence across 14 countries. The Group's core strengths lie in two distinct divisions. The Energy Services Division specialises in advanced pipe coating, corrosion protection, engineering, and EPC project delivery. Complementing this, the Bioenergy Services Division focuses on biomass energy generation, catering to a varied sector including plantations, petrochemicals, oleochemicals, and large industrial players.

As a Main Market-listed entity on Bursa Malaysia Securities Berhad (KLSE: WASCO), Wasco emphasises sustainability and environmental responsibility with its decarbonisation strategy begins with reducing emissions in its operations and supply chains, coupled with the ability to offset emissions.

Reflecting its strong ESG commitment, Wasco is a constituent of the FTSE4Good Bursa Malaysia Index and the FTSE4Good Bursa Malaysia Syariah Index, solidifying its role as a recognised leader in sustainability performance. In addition, Wasco is a proud participant of the United Nations Global Compact Malaysia & Brunei, embedding the Ten Principles of the UN Global Compact into its strategies and operations, with a firm focus on human and labour rights, environmental protection, and anti-corruption efforts.

Wasco recognises the crucial importance of investing in the protection and restoration of natural ecosystems, particularly forests, which play a vital role in sequestering carbon. These efforts not only contribute to the preservation of the natural world and its rich biodiversity but also serve as a medium-term solution for offsetting emissions. A significant part of this commitment revolves around the 'Wasco Forest' initiative launched in 2021.

Beyond this dedication to environmental responsibility, Wasco is resolute in its commitment to the energy transition within the oil and gas sector. Recognising that a successful transition necessitates collaboration between the public and private sectors, Wasco actively seeks strategic partnerships. The Group envisions driving growth within regional green value-chains, leveraging local expertise and capabilities to shape a more sustainable future for the energy industry.

Issued by Wasco Berhad. For media enquiries, please contact **Juliana Jamaluddin** (juliana.jamaluddin@wascoenergy.com) / +60 12-340 9438) or **Elinar Yasmeen** (elinar.yasmeen@wascoenergy.com) / +60 12-903 0342)

26 NOVEMBER 2025

Wasco Catat Prestasi Kukuh Bagi Suku Ketiga, Hasil 9 Bulan Melepassi RM2.0 Bilion, Raih Buku Pesanan RM2.6 Bilion Didorong Kontrak Baharu

KUALA LUMPUR, 26 Nov – Wasco Berhad (“Wasco” atau “Kumpulan”) mencatatkan prestasi lebih kukuh bagi suku ketiga berakhir 30 September 2025 (“S3 TK2025”), sekali gus menandakan titik perubahan jelas untuk keuntungan Kumpulan, disokong oleh disiplin operasi yang berterusan serta penyampaian stabil merentasi segmen tenaga dan bioenergi. Bagi tempoh sembilan bulan tahun kewangan 2025 (“9B TK2025”), hasil Kumpulan melepasi paras-RM2 bilion dengan mencatatkan hasil sebanyak RM2.01 bilion.

Bagi S3 TK2025, Kumpulan merekodkan hasil sebanyak RM599.9 juta dan keuntungan kasar sebanyak RM91.8 juta. Keuntungan Sebelum Cukai (“PBT”) melonjak kepada RM42.3 juta, berbanding RM23.7 juta pada suku yang sama tahun lalu. Keuntungan bersih meningkat kepada RM34.2 juta, manakala Keuntungan Selepas Cukai dan Kepentingan Minoriti (“PATAMI”) bertambah baik kepada RM34.7 juta.

Bagi 9B TK2025, hasil keseluruhan berjumlah RM2.01 bilion, dengan keuntungan kasar sebanyak RM280.4 juta, PBT sebanyak RM126.2 juta, dan PATAMI berjumlah RM104.0 juta, dipacu oleh pelaksanaan konsisten dan sumbangan lebih baik daripada aktiviti usaha sama.

Prestasi Segmen Kumpulan

Segmen **Perkhidmatan Tenaga** merekodkan hasil sebanyak RM527.6 juta bagi S3 TK2025 dan RM1.8 bilion (RM1,814.4 juta) bagi 9B TK2025, berbanding RM554.1 juta dan RM1.8 bilion (RM1,780.8 juta) bagi tempoh sama tahun sebelumnya. Segmen ini mencatat PBT sebanyak RM35.9 juta pada suku berkenaan dan RM120.2 juta setakat tahun ini, berbanding kerugian sebelum cukai RM21.0 juta dan PBT sebanyak RM109.7 juta pada TK2024. Pemulihan kepada keuntungan ini mencerminkan margin projek yang lebih baik serta ketiadaan perbelanjaan susut nilai yang memberi kesan kepada keputusan tahun lalu.

Segmen **Perkhidmatan Bioenergi** menjana hasil sebanyak RM72.3 juta pada S3 TK2025 dan RM198.6 juta bagi tempoh 9B TK2025, sedikit menurun berbanding RM81.5 juta dan RM201.5 juta pada tempoh sama tahun lalu. Penurunan pada suku ini disebabkan terutamanya oleh masa penghantaran peralatan, yang dijangka diiktiraf pada suku akan datang.

PBT bagi segmen ini berjumlah RM9.7 juta pada S3 TK2025 dan RM23.7 juta setakat tahun ini, berbanding RM14.2 juta dan RM59.8 juta pada tahun sebelumnya. Penurunan ini mengambil kira perbelanjaan sekali sahaja berjumlah RM3.6 juta berkaitan urusan korporat pada suku tersebut, serta ketiadaan keuntungan luar biasa berjumlah RM30.5 juta daripada pelupusan aset yang direkodkan pada TK2024.

Momentum Buku Pesanan & Unjuran Strategik

Wasco memperoleh kontrak baharu yang kukuh bernilai RM1.0 bilion pada S3 TK2025, sekali gus meningkatkan buku pesanannya kepada RM2.6 bilion setakat akhir September 2025. Kontrak merangkumi skop EPCC modular dan fabrikasi, projek salutan dan saluran paip minyak dan gas, pakej pencawang dan pengagihan kuasa, sistem skid modular, bekalan EPC dan peralatan proses untuk fasiliti penapisan dan industri, kerja *Balance-of-Plant EPCC* bagi infrastruktur tenaga, serta bekalan *E-House* untuk pembangunan luar pesisir. Pelaksanaan projek merentasi Asia, Timur Tengah, Afrika dan Eropah, dengan jadual penghantaran dari TK2026 hingga TK2027 dan juga 2028, memberikan jaminan ketelusan pendapatan untuk jangka sederhana.

“Suku ini menandakan perubahan penting bagi Wasco. Peningkatan keuntungan menunjukkan kekuatan operasi kami dan ketahanan perniagaan kami. Variasi kontrak baharu serta buku pesanan berjumlah RM2.6 bilion memberi asas kukuh menjelang suku terakhir tahun ini, manakala cadangan penyenaian anak syarikat tenaga boleh diperbaharui membuka laluan baharu untuk pertumbuhan dan penciptaan nilai,” kata **Giancarlo Maccagno, Pengarah Urusan/ Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Wasco Berhad.**

Kumpulan menjangkakan keadaan operasi dalam pasaran utama kekal stabil, disokong oleh aktiviti tender yang aktif, pelaksanaan yang berdisiplin, dan keterampilan yang dipertingkatkan daripada buku pesanannya yang berjumlah RM2.6 bilion. Selaras dengan anjakan strategik portfolio Kumpulan, Wasco baru-baru ini melancarkan prospektus anak syarikat tenaga boleh diperbaharui, Wasco Greenergy Berhad, menjelang cadangan penyenaian di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad. Langkah ini bertujuan membuka nilai, meningkatkan kecekapan modal, dan menyokong fasa pertumbuhan seterusnya. Wasco akan mengekalkan pegangan majoriti selepas penyenaian tersebut.

-tamat-

Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi: -

Juliana Jamaluddin

juliana.jamaluddin@wascoenergy.com

+6012 340 9438

Elinar Yasmeen

elinar.yasmeen@wascoenergy.com

+6012 903 0342

Mengenai Wasco Berhad

Wasco Berhad (wascoenergy.com), ditubuhkan pada 1999, merupakan penyedia penyelesaian tenaga yang terkemuka dengan kehadiran global di 14 negara. Kekuatan utama Kumpulan terletak pada dua bahagian utama. Bahagian Perkhidmatan Tenaga mengkhusus dalam salutan paip canggih, perlindungan kakisan, kejuruteraan, dan penyampaian projek EPC. Sementara itu, Bahagian Perkhidmatan Biotenaga memberi tumpuan kepada penjanaan tenaga biojisim, melayani pelbagai sektor termasuk perladangan, petrokimia, oleokimia, dan pemain industri utama.

Sebagai entiti yang disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad (KLSE: WASCO), Wasco menekankan kelestarian dan tanggungjawab alam sekitar dengan strategi dekarbonisasi Wasco bermula dengan pengurangan pelepasan dalam operasinya dan rantai bekalan, digabungkan dengan keupayaan untuk mengimbangi pelepasan.

Mencerminkan komitmennya terhadap ESG yang kukuh, Wasco merupakan sebahagian daripada Indeks FTSE4Good Bursa Malaysia dan Indeks FTSE4Good Bursa Malaysia Syariah, menegaskan peranannya sebagai peneraju yang diiktiraf dalam prestasi kelestarian. Selain itu, Wasco merupakan peserta bangga dalam United Nations Global Compact Malaysia & Brunei, mengintegrasikan Sepuluh Prinsip UN Global Compact ke dalam strategi dan operasinya, dengan tumpuan teguh pada hak asasi manusia, perlindungan alam sekitar, dan usaha anti-rasuah.

Wasco memperakui kepentingan pelaburan dalam perlindungan dan pemulihan ekosistem semula jadi, terutamanya hutan, yang memainkan peranan penting dalam menyerap karbon. Usaha ini bukan sahaja menyumbang kepada pemeliharaan alam semula jadi dan kepelbagaian biologi yang kaya, tetapi juga menjadi penyelesaian jangka sederhana untuk mengimbangi pelepasan. Komitmen ini turut merangkumi inisiatif 'Wasco Forest' yang dilancarkan pada 2021.

Selain komitmen ini terhadap tanggungjawab alam sekitar, Wasco berpegang teguh pada peralihan tenaga dalam sektor minyak dan gas. Menyedari bahawa peralihan yang berjaya memerlukan kerjasama antara sektor awam dan swasta, Wasco secara aktif mencari perkongsian strategik. Kumpulan ini membayangkan untuk memacu pertumbuhan dalam rantai nilai hijau serantau, memanfaatkan kepakaran dan keupayaan tempatan untuk membentuk masa depan yang lebih lestari bagi industri tenaga.

**Sekiranya terdapat sebarang percanggahan dalam Siaran Media ini, rujukan utama untuk tujuan ketepatan fakta adalah berpandukan pada Siaran Media versi Bahasa Inggeris.*